

Kekalkan hubungan rapat dengan UMS

Saranan Kasim kepada alumni UMS bagi membantu agenda pembangunan universiti
UB 10.11.2023 P.04

KOTA KINABALU: Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) perlu terus mengekalkan hubungan atau perasaan 'sense of belonging' dengan alma mater mereka iaitu UMS.

Isa sebagai satu usaha untuk menyokong dan menyumbang ke arah menambah baik agenda pembangunan universiti.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor berkata, penganjuran program UMS Alumni Homecoming Dinner umpamanya adalah platform terbaik bagi mengeratkan silaturahim.

Katanya, pertemuan antara alumni dan pentadbiran universiti dapat merencana ruang kerjasama dan program bersama universiti.

"Majlis sebegini bukan sahaja istimewa dalam konteks 'reunion' dan imbasan kenangan warga UMS, tetapi turut signifikan untuk mengekalkan perasaan 'sense of belonging'.

"Perasaan ini tidak terhad kepada penganjuran program berbentuk acara atau majlis semata-mata, tetapi merangkumi pelbagai inisiatif dan aktiviti yang berimpak tinggi dan memberi nilai tambah," katanya.

Beliau berkata demiki-

an dalam ucapan ketika merasmikan UMS Alumni Homecoming Dinner di Hotel Hilton, Kota Kinabalu baru-baru ini.

Kasim berkata UMS amat bertuah kerana aluminya sentiasa proaktif membantu dan mendukung pelbagai program yang dijalankan pihak universiti sama ada berbentuk pembangunan fizikal, pengupayaan modal insan dan lonjakan akademik.

Terdahulu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Dr. Raman Noordin memaklumkan, lebih 500 alumni berjaya dihidupkan pada majlis makan malam itu.

"Ini termasuklah alumni antarabangsa antaranya dari Brunei, China dan Timor Leste.

"Selain makan malam, beberapa aktiviti juga diadakan bersama dengan para alumni antaranya pertandingan boling, Campus Tour dan Kejujangan Golf," katanya.

Beliau turut berharap agar pertemuan ini dapat rapatkan hubungan antara alumni, serta para alumni akan terus memberikan pandangan dalam menyokong pembangunan universiti.

Pada majlis itu, Kasim



RASMI: Kasim merasmikan UMS Alumni Homecoming Dinner 2023.

turut menyempurnakan penyerahan surat niat kepada 25 syarikat yang menjadi rakan strategik kepada Alumni UMS, serta turut melancarkan Alumni Club House Fund.

Hadir Ahli-ahli Lembaga Pengarah UMS, Samsuddin Yusop dan Datuk Haji Aliasgar Basri; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shahril Yusof; Pengarah Pusat Alumni UMS, Dr. Arif @ Kamisan Pusiran; dan Pemangku Presiden Pertubuhan Alumni UMS, Mohammad Pauzi Jhumat.



MESRA: Kasim bersama ADUN Jeram Padang, Negeri Sembilan, Datuk Mohd Zaidy Abd Kadir (kiri) yang juga merupakan Alumni UMS.